

05/01/2001

Abim sokong pertemuan tiga pemimpin

KUALA LUMPUR, Khamis - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menyokong penuh kesediaan ketiga-tiga parti politik Melayu berunding bagi membina perpaduan ummah yang menjadi teras integrasi nasional membabitkan kaum Cina dan India.

Presidennya, Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata kesatuan politik negara dan perpaduan kaum akan terjejas apabila kesatuan Melayu berpecah.

"Abim berpandangan politik orang Melayu sudah sampai ke tahap kritikal sehingga terlalu banyak masa ditumpukan kepada menangani isu politik berbanding masalah pembangunan dan mempersiapkan umat menghadapi cabaran globalisasi," katanya.

Beliau berkata, keputusan pilihan raya umum 1999 dan pilihan raya kecil kemudiannya membuktikan krisis politik Melayu belum menunjukkan tanda akan berakhir dan usaha formula politik yang dipersetujui semua pihak perlu diadakan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mencadangkan pertemuan hati ke hati antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, diadakan segera.

Cadangan kedua pula turut membabitkan perwakilan daripada ketiga-tiga parti berkenaan. Bagaimanapun, dua cadangan itu masih tertakluk kepada persetujuan ketiga-tiga pihak bagaimana pertemuan harus diadakan.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 12 Januari ini akan membincang lanjut format perpaduan itu.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menggesa semua parti politik dan pertubuhan Melayu menghentikan sebarang kenyataan provokasi yang boleh menggugat usaha menyatupadukan orang Melayu.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana selain tidak mendatangkan faedah, ia juga akan mewujudkan suasana tidak selesa bagi cadangan pertemuan membabitkan pemimpin Umno, Pas dan Keadilan.

"Saya harap tidak ada lagi sebarang kenyataan berbentuk provokasi daripada mana-mana parti politik dan pertubuhan Melayu mengenai perkara ini bagi memastikan pertemuan yang bakal diadakan berkesan," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, pula gembira dengan cadangan pertemuan itu kerana ia boleh merintis jalan bagi mencapai perpaduan orang Melayu yang lebih jitu.

"Walau dengan apa nama sekalipun perbincangan ini dipanggil, saya berharap ia dapat menyatukan orang Melayu. Saya pernah mencadangkan idea untuk perpaduan Melayu sebelum ini melalui (penubuhan) Majlis Melayu," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata cadangan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno itu adalah sesuatu yang baik.

"Adalah lebih elok jika reaksi terhadap idea ini datang dari peringkat akar umbi Umno," katanya.

Tokoh veteran, Tan Sri Mustafa Jabar, berkata adalah lebih baik bagi ketiga-tiga parti itu mengetepikan sementara kepentingan politik dan merangka formula bagi menangani masalah perpecahan Melayu.

Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, pula berkata semua pihak harus ikhlas untuk perpaduan Melayu dan mengembalikan kekuatan seperti ketika zaman menuntut kemerdekaan dulu.

Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali, berkata Tun Abdul Razak Hussein sebelum ini berjaya menyatupadukan semua kaum melalui konsep Barisan Nasional selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Sekarang, katanya, orang Melayu sendiri mahu berunding untuk menyatu sesama sendiri setelah berlaku perpecahan dan usaha murni ini perlu menerima sokongan semua orang Melayu.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata usaha permulaan oleh Umno untuk mengadakan perbincangan itu perlu dilihat dari aspek positif.

(END)